

KPDNHEP laksana Ops Catut 6.0 tujuh bulan susulan pelaksanaan PSP

Published on: Thursday, December 12, 2019
By: Stefanie Myla Micheal



KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Domestik dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melaksanakan Ops Catut 6.0 selama tujuh bulan bermula 1 Disember untuk menangani aktiviti manipulasi harga dengan memastikan tiada kenaikan harga tanpa kawalan.

Pengarah Sabahnya Georgie Abas berkata ini adalah selaras dengan pelaksanaan Program Subsidi Petroleum (PSP) pada 1 Januari, 2020, yang dijangka akan memberi impak secara tidak langsung ke atas harga barangan.

Katanya, kementerian itu sedar harga barangan di pasaran sekarang dilihat semakin meningkat dan ia disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya, permintaan dan bekalan, persaingan, cuaca, kenaikan kos termasuk harga bahan mentah, kadar gaji dan bekalan negara asal, antara lain.

"Dalam hubungan ini, Kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Ops Catut 6.0 (PSP) untuk menangani isu itu susulan pelaksanaan dasar baharu kerajaan.

"Ops Catut 6.0 (PSP) ini dijalankan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 mengenai rantai pembekalan dan pengedaran barang.

"Sehubungan itu, pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan dijalankan di semua peringkat perniagaan di seluruh negara termasuk pengilang, pasaran am, pengedar, pemborong dan peruncit serta

mengambil kira enam kategori enam kategori barang termasuk makanan dan minuman, barang rumah, tekstil, perabot, kasut, dan barang elektrik," katanya dalam satu kenyataan di sini, Rabu. Menurut Georgie, pelaksanaan tempoh Ops Catut 6.0 (PSP) adalah selama tuju bulan dari 1 Disember, 2019 hingga 30 Jun, 2020 dalam tiga fasa.

"Fasa pertama adalah dari 1 hingga 31 Disember dan semasa fasa tersebut, pegawai akan memeriksa dan mengumpul maklumat tentang harga, kos dan peratusan perbezaan harga dan jualan atau margin.

"Fasa kedua 2 akan bermula dari 1 Januari hingga 31 Mei, 2020 di mana pemantauan lanjut ke atas peniaga dijalankan untuk menentukan sama ada kenaikan itu berlaku atau tidak. Pada masa sama, penyerahan Notis Bertulis di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 juga akan dijalankan oleh peniaga yang dikenalpasti meningkatkan harga ketika fasa pertama.

"Pada fasa terakhir iaitu Fasa tiga dari 1 Jun hingga 30 Jun, 2020, tumpuan lebih kepada menyediakan pelaporan khas Penguatkuasaan Ops Catut 6.0 (PSP)," katanya.

Peniaga sekali lagi diberi amaran agar tidak mengambil kesempatan daripada manfaat tambahan susulan pelaksanaan PSP.

Georgie berkata Kementerian itu berharap harga barang dan perkhidmatan stabil dan impak pelaksanaan PSP dapat dinikmati oleh kumpulan sasar.

Menurutnya, jika mana-mana peniaga didapati bersalah melanggarnya, peniaga terbabit boleh didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan dikenakan pertuduhan berikut...

"Bagi organisasi korporat, mereka boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM500,000 untuk kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya tidak melebihi RM1,000,000,

"Bagi individu, mereka boleh didenda tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya dan, untuk kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara selama tidak lebih dari 5 tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata penguatkuasaan akan terus ditingkatkan dan tindakan segera akan diambil terhadap mana-mana pihak yang mengeksplotasi sebarang keadaan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah.